

# Apa pilihan Muhyiddin?

Ulm-31/7/2021 mlk: 3

## Dari muka 1

“Terserah kepada Agong untuk buat keputusan, Seri Paduka boleh suruh Perdana Menteri letak jawatan dan tumbuhkan kerajaan sementara, tetapi krisis ini jangan sampai Agong masuk ke dalam kancah politik.

“Seri Paduka sudah berusaha-payah memastikan Parlimen bersidang dengan memanggil semua ketua parti politik, persidangan khas dengan Majlis Raja-Raja Melayu. Jadi, mereka tidak boleh tipu Agong, sebab mereka sudah banyak silap langkah,” kata beliau.

Sementara itu, peguam kanan, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, Muhyiddin dan Kabinet mesti meletakkan jawatan segera kerana menderhaka terhadap institusi diraja.

Menurut beliau, kerajaan Perikatan Nasional (PN) bukan hanya mencemarkan peranan dan kuasa Agong malah mencabul Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.

“Kerajaan PN juga menderhaka terhadap dua institusi Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-



MUHYIDDIN YASSIN

Undang) memaklumkan membatalkan Ordinan Darurat tanpa perkenan Seri Paduka,” kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar berkata, Perdana Menteri sepatutnya cuba mengeratkan kerjasama dengan Agong, bukannya menimbulkan pertelagahan.

“Kalau hubungan antara istana dan kerajaan terus dingin maka negara takkan makmur, malah takkan selesai pertikaian,” katanya.

Dalam pada itu, Pakatan Harapan (PH) dalam kenyataan bersama menyifatkan

kerajaan pimpinan Muhyiddin telah hilang majoriti untuk membentuk kerajaan dan mereka harus sedar serta meletak jawatan.

“Kenyataan balas Pejabat Perdana semalam (kelmarin) angkuh dan biadab terhadap Ketua Utama Negara, menderhakai Perlembagaan Persekutuan dan sistem demokrasi berparlimen,” jelas kenyataan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pula berkata, tindakan Muhyiddin mengeluarkan kenyataan bukan sahaja tidak menjernihkan keadaan sebaliknya menjadikan ia meruncing.

“Wakil rakyat UMNO kini hanya ada satu pilihan iaitu mendukung titah Agong. UMNO tidak wajar terheret dalam konflik ini kerana iltizam UMNO sejak awal mempertahankan institusi raja,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani pula berkata, sudah tiba masanya Malaysia melantik Perdana Menteri interim bagi mengelak negara berada dalam krisis

Perlembagaan sementara menunggu Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Menurut beliau, PRU-15 dijangka tidak lama lagi iaitu selepas lebih ramai rakyat divaksin sekitar Oktober ini.

“Ini masanya untuk semua pemimpin politik tidak kira kerajaan atau pembangkang menyokong Perdana Menteri interim bagi memberi tumpuan dan memastikan usaha vaksinasi tidak tergelincir,” kata beliau.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, Kerajaan PN goyah selepas Yang di-Pertuan Agong menzahirkan dukacita dengan pengumuman kerajaan Isnin lalu yang menamatkan Proklamasi Darurat pada 21 Julai tanpa perkenan baginda.

Bagaimanapun, Muhyiddin menerusi kenyataan balas memaklumkan, tindakan menamatkan Ordinan Darurat itu adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sejak isu itu, banyak gerakan bukan sahaja parti-parti politik tetapi pertubuhan bukan kerajaan, peguam dan rakyat menggesa Muhyiddin meletak jawatan kerana menyifatkan Perdana Menteri menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong.